

31/12/1999

Status nominee Central Depository mungkin dilanjut

KUALA LUMPUR, Khamis - Malaysia mungkin melanjutkan status nominee Central Depository Pte Ltd (CDP) Singapura yang memegang saham-saham Central Limit Order Book (Clob) International yang dibekukan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, jika penyelesaian masih tidak dicapai, kerajaan Malaysia mungkin mengambil alih saham-saham itu.

Beliau menegaskan, pemegang saham Clob tidak seharusnya terlalu tamak dengan mengkehendaki keuntungan maksimum, sebaliknya mereka patut menerima satu daripada beberapa tawaran yang dibuat.

"Pada pandangan saya, mereka membuat keuntungan 200 peratus berbanding ketika kita melaksanakan kawalan modal September tahun lalu, di mana nilai sahamnya begitu rendah. Ia jatuh disebabkan urus niaga yang dibuat Clob sendiri.

"Sekarang disebabkan kawalan kita, nilai saham itu telah meningkat sehingga hampir 200 peratus. Mereka sepatutnya gembira untuk menerima sebarang tawaran yang baik.

"Tetapi kelihatannya mereka ingin mendapat keuntungan maksimum, sedangkan mereka adalah antara orang yang memusnahkan pasaran kita," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Persidangan Antarabangsa Pengajian Agama: Menghadapi Alaf Baru, di Hotel Palace of the Golden Horses di Sungai Besi, di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Pihak Berkuasa Kewangan Singapura (MAS) yang menggesa Malaysia membenarkan bursa saham kedua-dua negara menyelesaikan pertelingkahan berhubung saham Malaysia bernilai berbilion ringgit yang dipegang pelabur Singapura.

Saham yang kini bernilai lebih AS\$3 bilion itu dibekukan apabila Malaysia melaksanakan kawalan modal pada September 1998, sekali gus mengharamkan urus niaga syarikat tersenarai Malaysia di luar negara.

Status nominee CDP dalam memegang saham-saham Clob selepas ia dibekukan apabila Malaysia menyifatkan Clob tidak sah, tamat esok.

Sekurang-kurangnya enam cadangan telah dikemukakan oleh sektor swasta bagi menyelesaikan dan membebaskan saham-saham itu untuk diniagakan di BSKL. Bagaimanapun, para pelabur Singapura telah menolak semua cadangan.

Sementara itu, ketika diminta mengulas mengenai prestasi memberangsangkan Bursa Saham Kuala Lumpur (BKSL) yang ditutup melepasi paras 800 mata semalam, Perdana Menteri meramal angka itu akan melonjak melepasi indeks 1000 dalam tempoh dua tahun lagi atau lebih awal.

"Pasaran dijangka lebih baik tahun depan, kerana perniagaan adalah baik dan syarikat juga semakin mantap," katanya.

Beliau berkata, pertumbuhan ekonomi negara juga melepasi ramalan awal satu peratus, apabila ia naik empat kali ganda.

"Saya fikir kita patut berasa gembira dengan keadaan ini," katanya.

Beliau berkata, keadaan dijangka lebih cemerlang tahun depan berikutan kedudukan ekonomi sudah pulih daripada aktiviti jualan singkat dan peniaga mata wang yang tidak boleh lagi mempermain-mainkan ringgit.

(END)